

## Jaga Akhlak Dalam Interaksi Media Sosial



Oleh: Nik Azyan Binti Nik Pa


*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 28 Jun 2021*

Dewasa ini, media sosial menjadi candu kepada masyarakat di seluruh dunia terutamanya generasi muda. Ramai yang berlumba-lumba ingin mendapatkan perhatian netizen dalam media sosial.

Lebih membimbangkan, interaksi tanpa batasan boleh memberi implikasi negatif terhadap perkembangan minda generasi muda jika ia tidak dikawal dan digunakan tanpa batasan.

Seperti yang kita ketahui, generasi muda suka sesuatu yang baharu, ekstrem dan berbeza sehingga menyebabkan sebahagian daripada mereka lupa tentang etika dan akhlak ketika berinteraksi dalam media sosial.



Gambar hiasan

Pada masa ini, kita dapat melihat ramai orang memiliki akaun media sosial sama ada Facebook, Instagram, Twitter atau YouTube.

Menurut *Internet World Stats: Population Statistics Data Facebook Data 2021*, terdapat sebanyak 27,050,000 pengguna Facebook di Malaysia setakat 31 Disember 2020.

Salah satu cabaran yang dihadapi adalah berkenaan dengan ketulenan atau kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang dibaca dalam media sosial.

Dengan maklumat di hujung jari, masyarakat khususnya para remaja terdedah dengan pelbagai bentuk berita atau maklumat yang palsu.


Sekiranya pembaca tidak berhati-hati dalam menentukan ketulenan sumber berita atau maklumat tersebut dan kemudiannya berkongsi berita itu, ia akan mengakibatkan ia menjadi tular.

Sedikit sebanyak, perkongsian berita tidak sah itu akan menjejaskan atau memudaratkan mana-mana pihak yang terlibat dengan penularannya.

Justeru, Islam menganjurkan umatnya agar berhati-hati dan menilai sesuatu mesej atau maklumat dengan cermat sehingga ia benar-benar sah.

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman, apabila datang kepadamu orang fasik membawa berita maka siasatlah terlebih dahulu supaya kamu tidak menimpakan mudarat kepada orang lain atas kejahilan kamu dan kemudiannya kamu menyesal.” (Surah al-Hujurat, ayat 6)

Pengarah Pusat Kajian Syariah Undang-Undang dan Politik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Mohd Farid Mohd Shahrhan berkata, konsep *tabayyun* atau menyelidik terlebih dahulu perlu digunakan terutamanya untuk mengelakkan gejala *forward* yang semakin berleluasa.



Gambar hiasan

Selain menjadi tempat penyebaran berita atau maklumat palsu, media sosial juga dilihat sebagai medan atau alat untuk melontarkan komen bagi menjatuhkan atau memalukan seseorang.

Perkara ini dilihat sebagai hampir normal pada masa sekarang dan ini adalah perkembangan yang tidak sihat bagi Malaysia yang sedang menuju ke arah status negara maju.

Cabaran ini agak susah hendak ditangani kerana rakyat Malaysia khususnya golongan remaja yang amat mudah terpengaruh dengan berita palsu.

Menurut Presiden Pertubuhan Intelektual Negara (PINTAR), Prof Dr Mohd Roslan Mohd Nor, sikap netizen yang terlalu terbuka dan meninggalkan komen menggunakan perkataan jelik yang sangat memalukan dan tidak langsung menunjukkan penghormatan terhadap Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan.

Malah, ada yang tergamak melemparkan kata-kata kesat terhadap pemimpin-pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semata-mata kerana tidak sehaluan dalam beberapa isu.

Kita dapat menilai keperibadian dan akhlak seseorang berdasarkan tutur katanya termasuk komen-komen yang ditulis dalam media sosial.



Gambar hiasan

Penceramah bebas, Ustaz Mat Esa Deraman pernah berkata, "Setiap perkara yang kita lakukan akan dicatat oleh malaikat walaupun satu perkataan hatta senyuman turut dicatat."

Sehubungan itu, kita sepatutnya berfikir terlebih dahulu sebelum membuat hantaran atau meninggalkan komen dalam media sosial. Jangan terlalu mengikut perasaan.

Kita tidak tahu siapa yang bakal membaca hantaran atau komen tersebut. Mungkin dibaca oleh ahli keluarga termasuk ibu bapa, adik beradik, pasangan dan anak-anak.

Jika hantaran dan komen yang ditulis itu bunyinya jelik dan kurang sopan, kita juga yang akan malu nanti.